

UMNO lahir di istana bukan tepi jalan - Sultan

UM - 12/5/2006

JOHOR BAHRU 11 Mei - Sultan Johor, Sultan Iskandar Ibni Almarhum Sultan Ismail berusia 14 tahun semasa UMNO dilahirkan di kediamannya - di Istana Besar - pada 11 Mei 1946.

Masih segar dalam ingatan baginda nasihat yang dibuat oleh Almarhum ayahanda baginda kepada orang Melayu.

"Pada masa itu, saya masih muda dan ayahanda saya bertitah mengingatkan bangsa Melayu supaya bersatu untuk kuatkan pendirian dan pertahankan tanah air kita," tambah baginda.

Hari ini, di tempat yang sama, baginda pula memberikan nasihatnya.

Nasihat baginda cukup jelas iaitu: Bangsa Melayu perlu terus bersatu padu dan bermuafakat menerusi UMNO.

Seruan baginda itu dititahkan demi kepentingan bangsa Melayu pada masa depan.

"Saya mengalu-alu kedatangan saudara-saudari ke tempat lahirnya UMNO. Ketahuilah dan jangan kita lupa UMNO lahir di Istana Besar dan bukan di tepi jalan," titah baginda.

Sultan Iskandar bertitah demikian pada perhimpunan sempena sambutan Ulang Tahun UMNO Ke-60 di pekarangan Istana Besar di sini hari ini.

Baginda hadir tepat pukul 12 tengah hari bersama-sama Sultanah Johor, Sultanah Zanariah dengan disambut oleh kira-kira 60,000 rakyat yang berkumpul di pekarangan istana itu sejak pukul 8 pagi.

Hadir sama, Tengku Mahkota Johor, Tengku Ibrahim dan isteri, Raja Zarith Sofia.

Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Timbalannya, Datuk Seri Najib Tun Razak bersama pucuk pimpinan parti turut menghadiri perhimpunan bersejarah itu.

UMNO telah ditubuhkan secara rasmi pada 11 Mei 1946 ketika Kongres Melayu Ketiga yang berlangsung di istana tersebut dan Datuk Onn Jaafar dipilih sebagai Yang Dipertua pertama.

Menurut baginda, ketika penubuhan UMNO itu, baginda sendiri telah bersama-sama menyaksikan detik bersejarah itu.

Justeru, baginda menasihati dan menyeru orang Melayu supaya bersatu padu dan muafakat menerusi UMNO.